



# The Buletin Rasmi MSWG Observer

JUMAAT | 10 JANUARI 2025

# TANGGUNG KERANA UNTUNG



## **SOALAN PANAS, JAWAPAN SENDU: DILEMA IKLIM DALAM SYARIKAT KORPORAT MALAYSIA**

Bayangkan anda bangun tidur dan melihat paras air laut meningkat, lalu menenggelamkan bandar-bandar pesisir. Gelombang haba melampau pula menggugat ekonomi, menyebabkan hasil pertanian merosot, sekaligus mengancam keselamatan makanan global. Jika krisis iklim dibiarkan berterusan, ini bukan lagi imaginasi tetapi realiti yang mungkin berlaku pada masa depan. Dunia korporat tidak boleh hanya menjadi pemerhati terhadap cabaran ini kerana perniagaan merupakan antara penyumbang terbesar kepada pelepasan gas rumah hijau. Bagaimanapun, mereka mempunyai sumber serta pengaruh untuk meneraju usaha mendepani perubahan iklim.

Pada tahun 2024, MSWG mengambil langkah berani dengan menjadikan isu krisis iklim sebagai tema utama dalam usaha penglibatan dengan pemegang saham. Melalui soalan khusus kepada 450 PLC dalam mesyuarat agung tahunan (AGM), MSWG cuba menilai sejauh mana syarikat korporat di Malaysia bersedia mendepani ancaman ini. Maklum balas yang diterima menggambarkan tahap kesediaan korporat, mengenal pasti syarikat yang mendahului, yang ketinggalan, serta jurang kritikal yang perlu ditangani. Artikel ini menyelami penemuan tersebut serta meneroka peranan aktivisme pemegang saham dalam mendorong tindakan berkaitan iklim.

### **Krisis Iklim: Bukan Urusan Biasa**

Krisis iklim bukan lagi masalah masa depan kerana ia sudah pun mengubah dunia hari ini. Suhu yang meningkat, ekosistem semakin rosak dan cuaca melampau semakin kerap terjadi. Bagi perniagaan, krisis ini datang bersama-sama cabaran dan peluang. Syarikat yang gagal menyesuaikan diri berisiko berdepan saman atau tindakan undang-undang, kerosakan reputasi seterusnya menghakis keyakinan pelabur. Sebaliknya, syarikat yang mengambil langkah proaktif dalam menangani risiko iklim berpotensi meraih manfaat melalui inovasi, daya tahan operasi serta kepercayaan yang lebih utuh daripada pihak berkepentingan.

Pemegang saham minoriti juga memainkan peranan yang penting dalam isu ini. Keupayaan sesebuah syarikat untuk mengemudi operasinya dalam krisis iklim secara langsung memberikan kesan kepada kesihatan kewangan dan penciptaan nilai dalam jangka panjang.

### **Menyeru kepada Tanggungjawab Perubahan Iklim dalam AGM**

MSWG berusaha memastikan PLC bertanggungjawab terhadap komitmen mereka ke atas perubahan iklim. Pada tahun 2024, pelbagai soalan telah diajukan bagi menilai tahap persediaan dan aspirasi mereka. Jawapan yang diberikan oleh PLC menawarkan pelbagai perspektif, daripada kepimpinan yang merintis perubahan kepada rasa berpuas hati yang menimbulkan kebimbangan.

Sesetengah PLC menunjukkan strategi iklim yang selaras dengan matlamat perniagaan mereka. Contohnya, sebuah PLC mengintegrasikan risiko iklim dalam rangka kerja pengurusan risikonya, bagi memastikan isu itu sentiasa menjadi topik utama dalam perbincangan lembaga pengarah. Tindakan ini menetapkan laluan yang jelas ke arah neutral karbon menjelang tahun 2040, dengan penekanan terhadap pelaburan dalam tenaga boleh dibaharui dan kecekapan tenaga. Inisiatif seumpama ini menyerlahkan bahawa tindakan iklim dan prestasi kewangan syarikat adalah saling melengkapi dan bukannya menjadi penghalang.

Bagaimanapun, tidak semua PLC memberikan maklum balas yang menggalakkan. Banyak PLC yang lebih kecil mengakui bergelut dengan sumber dan kepakaran yang terhad. Bagi PLC ini, tindakan iklim selalunya dilihat tidak sepenting cabaran operasi yang sedang ditangani. Sebuah PLC bersaiz sederhana secara terbuka mengakui bahawa mereka masih belum mengenal pasti risiko iklimnya yang ketara. Pengakuan sedemikian menekankan lagi jurang yang ketara dalam kesediaan korporat di seluruh pasaran Malaysia.

Pelaporan untuk pelepasan Skop 3 amat mencabar bagi kebanyakan PLC. Walaupun data pelepasan Skop 1 dan Skop 2 secara relatifnya lebih mudah untuk dijejaki, pelepasan Skop 3 mengambil kira pelepasan tidak langsung yang melibatkan rantai bekalan. Sebuah PLC bersaiz sederhana menyatakan bahawa mereka kekurangan alatan dan metodologi yang sesuai untuk mengurus data pembekal yang diperlukan untuk pelaporan Skop 3 yang tepat. Cabaran ini menekankan keperluan untuk alatan yang praktikal dan mudah diakses bagi membantu syarikat memenuhi piawaian baharu.

Pembinaan kapasiti muncul sebagai tema yang berulang dalam maklum balas yang diberikan. PLC berulang kali menekankan kepentingan program seperti inisiatif PACE yang melibatkan Dasar, Andaian, Pengiraan

#### **SOALAN YANG DIAJUKAN OLEH MSWG DALAM AGM & JAWAPAN DARIPADA PLC**

##### **Soalan MSWG**

Adakah PLC merancang untuk melanggan Tarif Tenaga Hijau (*Green Energy Tariff, GET*) sebagai sokongan kepada sumber tenaga yang mampan?

##### **Jawapan**

*Kami tidak melanggan GET kerana kami tidak melihat program itu dapat menghasilkan pemasangan tenaga boleh dibaharui (RE) baharu yang khusus untuk kami sebagai pelanggan korporat individu.*

##### **Soalan MSWG**

Sejak bermulanya operasi Solar Atas Bumbung, apakah hasil yang boleh diukur dari segi penjimatan tenaga dan pengurangan pelepasan karbon?

##### **Jawapan**

*Syarikat merancang untuk meningkatkan kapasiti sebanyak 20% setiap tahun tetapi menghadapi kesukaran dalam mengukur ketepatan penjimatan tidak langsung, disebabkan oleh mekanisme penjejakan tidak konsisten serta cabaran yang melibatkan pembekal.*

##### **Soalan MSWG**

Pendedahan menunjukkan bahawa pelepasan Skop 3 belum dilaporkan sepenuhnya. Apakah langkah yang diambil oleh syarikat untuk menangani situasi ini dan apakah jangka masa untuk laporan yang menyeluruh?

##### **Jawapan**

*Kami telah meluaskan penjejakan dan pemantauan Skop 3 dengan merangkumkan logistik hulu tetapi masih belum dapat menyediakan data penuh disebabkan oleh kurangnya kerjasama daripada pembekal serta ketiadaan rangka kerja pelaporan yang standard.*

##### **Soalan MSWG**

Untuk inisiatif penjimatan tenaga, bagaimanakah Kumpulan memastikan terdapat hasil yang nyata daripada program kecekapan tenaganya?

##### **Jawapan**

*Walaupun Kumpulan komited terhadap penggunaan tenaga yang cekap, hasil yang nyata sukar diukur kerana tiada garis asas untuk perbandingan dan perubahan dalam corak penggunaan tenaga di pelbagai lokasi.*

dan Pendidikan (*Policy, Assumptions, Calculators, and Education*). Walau bagaimanapun, sentimen itu jelas; PLC yang lebih kecil memerlukan sokongan yang lebih disesuaikan bagi merapatkan jurang. Cadangan yang diberikan termasuklah penubuhan platform kolaboratif industri untuk berkongsi amalan terbaik serta penganjuran bengkel khusus mengikut cabaran sektor masing-masing.

Pemerhatian selanjutnya daripada maklum balas itu adalah variasi yang ketara dalam butiran dan kualiti maklum balas daripada syarikat. Seseengah PLC menyediakan strategi komprehensif yang disokong oleh sasaran yang boleh diukur serta garis masa yang jelas. Sebagai contoh, projek tenaga boleh dibaharui seperti pemasangan fotovoltan solar berskala besar, sering diketengahkan sebagai tindakan segera bagi mengurangkan jejak karbon. PLC lain hanya menyebut aspirasi di peringkat tinggi tanpa membentangkan rancangan pelaksanaan yang konkrit, justeru mendedahkan sikap yang tidak serius terhadap isu ini.

Satu lagi isu berulang adalah kekurangan butiran data. Walaupun PLC sering menyatakan komitmen iklim mereka, hanya segelintir yang menyediakan statistik atau carta terperinci yang menunjukkan kemajuan inisiatif mereka. Jurang ini menghadkan ketelusan serta menghalang pemegang saham daripada menilai keberkesanan strategi iklim syarikat.

Walaupun terdapat jurang ini, beberapa PLC mengetengahkan idea inovatif bagi menangani cabaran iklim. Sebagai contoh, beberapa syarikat memperkenalkan langkah kecekapan tenaga seperti menaik taraf jentera dan mengubah suai kemudahan bagi mengurangkan penggunaan tenaga. Beberapa syarikat lain mencadangkan supaya diwujudkan rangka kerja kerjasama dengan rakan industri bagi berkongsi sumber dan pandangan tentang metodologi pelaporan Skop 3.

Walaupun seseengah PLC melihat tindakan iklim sebagai pelaburan berjangka panjang, syarikat lain kelihatan lebih mengutamakan kebimbangan kewangan yang berjangka pendek. Perbezaan ini menekankan kepentingan aktivisme pemegang saham yang berterusan. MSWG akan membantu mendorong syarikat yang ketinggalan ke arah akauntabiliti dan aspirasi yang lebih besar dengan terus membangkitkan soalan berkaitan iklim.

## **Tanggungjawab Korporat dan Pengawalseliaan**

Pindaan yang diumumkan baru-baru ini kepada Syarat-syarat Penyenaraian Bursa Malaysia mengetatkan lagi tanggungjawab korporat terhadap laporan kemampanan. Syarat ini mewajibkan PLC mendedahkan maklumat terperinci tentang risiko dan peluang yang berkaitan kemampanan, termasuk daya tahan iklim dan pelepasan gas rumah hijau. Bagi pemegang saham minoriti, pendedahan sedemikian melangkaui pematuhan. Ia memberikan pandangan yang kritikal tentang strategi syarikat untuk menavigasi cabaran dalam masa depan yang rendah karbon.



Salah satu aspek paling penting dalam pindaan ini ialah syarat melaporkan pelepasan gas rumah hijau untuk Skop 1, 2 dan akhirnya Skop 3. Pelaporan Skop 3, khususnya, memerlukan PLC untuk terlibat dengan rangkaian bekalan mereka serta memahami kesannya yang lebih luas kepada alam sekitar. Pendekatan holistik ini bukan sahaja meningkatkan ketelusan, malah mendorong syarikat untuk mengenal pasti ketidakcekapan serta peluang untuk penambahbaikan dalam operasi mereka.

Penekanan terhadap strategi daya tahan iklim adalah satu lagi elemen kritikal. PLC perlu menggariskan cara menangani risiko segera seperti kejadian cuaca melampau dan cabaran jangka panjang seperti anjakan kawal selia dan peralihan pasaran. Pendedahan ini membolehkan pemegang saham menilai sama ada syarikat mengambil langkah proaktif untuk melindungi masa depan mereka atau hanya bertindak balas terhadap tekanan luar.

## **Mengambil Kira Suara Pemegang Saham dalam Tanggungjawab Iklim**

Soalan bertema yang diajukan oleh MSWG pada tahun 2024 menunjukkan kuasa penglibatan pemegang saham dalam memastikan syarikat melaksanakan tanggungjawabnya. Dengan mengemukakan soalan secara langsung kepada lembaga pengarah dan pihak pengurusan, pemegang saham dapat memastikan tindakan terhadap perubahan iklim kekal menjadi keutamaan. Penyertaan aktif dalam mesyuarat agung tahunan serta pemantauan prestasi korporat secara berterusan adalah kunci bagi memastikan kemajuan yang bermakna. Kerjasama perniagaan, pengawal selia dan pelabur dapat membuka peluang untuk mengubah arus perubahan iklim, sekaligus mewujudkan masa depan yang lebih berdaya tahan, saksama dan mampan untuk generasi akan datang.

**[TAMAT]**

### **PENDEDAHAN KEPENTINGAN**

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diiliputi dalam buletin ini.

### **PENOLAKAN TUNTUTAN**

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jempunan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.